
Kesan Prestasi Pasaran Ekuiti Terhadap Daya Tahan Isi Rumah

Sejak mencapai paras tertingginya pada tahun 2018, pasaran ekuiti domestik terus menghadapi tekanan menurun berikutan keadaan global dan dalam negeri yang mencabar. Dengan pelaburan dalam ekuiti dan dana unit amanah (*unit trust funds*, UTF) harga berubah mencakupi kira-kira 29% daripada aset kewangan mudah tunai (*liquid financial assets*, LFA) isi rumah (Rajah 1.8), rencana ini menghuraikan kesan kelembapan yang ketara dalam pasaran ekuiti ke atas penampan kewangan isi rumah. Berdasarkan analisis mengikut kumpulan pendapatan, isi rumah berpendapatan lebih daripada RM10,000 sebulan memegang hampir separuh daripada pelaburan isi rumah dalam ekuiti dan UTF harga berubah. Aset-aset ini turut menyumbang kepada bahagian LFA mereka yang lebih tinggi berbanding dengan kumpulan pendapatan yang lain, selain berkemungkinan menjadikan mereka lebih mudah terjejas oleh prestasi pasaran ekuiti yang tidak menentu.

Rajah 1.8: Komposisi Aset Kewangan Mudah Tunai (AKMT) Mengikut Komponen dan Kumpulan Pendapatan

Pemegangan ekuiti dan dana unit amanah harga berubah lebih besar dalam kalangan kumpulan berpendapatan tinggi



Pelaburan dalam ekuiti dan dana unit amanah harga berubah

Aset kewangan mudah tunai lain (deposit, dana unit amanah harga tetap dan polisi insurans)

[...%] merujuk komposisi jumlah pelaburan dalam ekuiti dan dana unit amanah harga berubah

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Simulasi Senario

Dua senario tekanan disimulasikan untuk mengukur daya tahan isi rumah[12] terhadap kejutan pasaran ekuiti (Jadual 1.1).

Jadual 1.1

Kejutan Pasaran Ekuiti – Senario Tekanan dan Rasional

Senario Kejutan	Parameter	Rasional
S1	Kemerosotan 45% dalam nilai pemegangan ekuiti dan dana unit amanah harga berubah	Berdasarkan kejatuhan 45% Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) pada tahun 2008
S2	Kemerosotan 77% dalam nilai pemegangan ekuiti dan dana unit amanah harga berubah	Berdasarkan kejatuhan 77% FBM KLCI pada tahun 1997


Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

[12] Walau bagaimanapun, simulasi ini tidak mempertimbangkan kesan pusingan kedua, terutamanya kesan daripada volatiliti dalam pasaran ekuiti terhadap institusi kewangan yang isi rumah membuat simpanan atau pelaburan.

Selaras dengan tahap dedahan yang lebih tinggi, isi rumah yang berpendapatan lebih daripada RM5,000 sebulan didapati lebih sensitif kepada pembetulan pasaran ekuiti. Hal ini dicerminkan oleh penurunan yang lebih besar dalam perlindungan LFA[13] mereka berbanding dengan kumpulan pendapatan yang lain (Rajah 1.9). Meskipun begitu, kumpulan peminjam ini yang mencakupi 62.3% daripada jumlah hutang isi rumah dijangka mampu membayar balik hutang mereka dengan nisbah LFA kepada hutang yang mencukupi yang melebihi ambang kehematan (lebih daripada 1 kali) di bawah kedua-dua senario tersebut. Di bawah Senario 2 (S2), perlindungan LFA kepada peminjam yang berpendapatan antara RM3,000 hingga RM5,000 sebulan turun ke paras yang hanya tinggi sedikit sahaja daripada ambang kehematan. Bagi kumpulan yang mudah terjejas (mereka yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan) pula, perlindungan LFA menurun sedikit daripada paras yang telahpun terletak di bawah ambang kehematan.

Rajah 1.9: Senario Sebelum dan Selepas Kejutan – Perlindungan Aset Kewangan Mudah Tunai Mengikut Kumpulan Pendapatan

Walaupun kumpulan berpendapatan tinggi lebih sensitif kepada volatiliti pasaran ekuiti, namun perlindungan aset mereka masih melebihi ambang kehematan



BL: Dasar

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Walaupun kelemahan dalam pasaran ekuiti akan mengurangkan perlindungan LFA bagi isi rumah, kesan keseluruhannya terhadap daya tahan isi rumah adalah terurus. Keputusan simulasi ini menunjukkan kebanyakan isi rumah dapat terus mengekalkan perlindungan LFA melebihi ambang kehematan, walaupun selepas pasaran ekuiti mengalami pembetulan yang ketara. Hal ini mencerminkan komposisi LFA isi rumah yang lebih 60% daripadanya adalah dalam bentuk deposit bank dan pelaburan dalam dana unit Amanah Saham Bumiputera berharga tetap, yang tidak terjejas oleh pergerakan dalam pasaran ekuiti.

[13] Nisbah aset kewangan mudah tunai kepada jumlah hutang (kali).